

Seramik Thai ditemui di hari akhir penggalian di Fort Canning



BANGKITKAN SEJARAH: Cik Caroline (*kiri*), yang sedang menggali di tapak pameran Penggalian Arkeologi di Taman Fort Canning, gembira dapat menyumbang tenaga menghidupkan kembali sejarah Singapura. – Foto BH oleh MATTHIAS CHONG

► **ZULAIQAH ABDUL RAHIM**
zulabr@sph.com.sg

SERPIHAN seramik Thai yang dipercayai berasal dari abad ke-15 ditemui semasa kerja penggalian di pameran Penggalian Arkeologi di Taman Fort Canning.

Salah seorang sukarelawan pelajar, Cik Caroline Ang, 24 tahun, menjumpai artifak itu semalam, di hari terakhir kerja penggalian di tapak tersebut.

Kerja penggalian di tapak itu telah berjalan sejak 2 September lalu dan diadakan dua kali seminggu, pada Isnin dan Ahad.

Itu dianjurkan oleh Lembaga Taman Negara (NParks), dengan kerjasama Profesor Encik John Miksic dari Jabatan Kajian Asia Tenggara Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Profesor Madya Cik Goh Geok Yian, yang juga Pengerusi Madya (Penyelidikan) di Sekolah Kemanusiaan, Universiti Teknologi Nanyang (NTU), sebelum kerja peningkatan dimulakan di ruang pameran itu pada November ini.

Menurut Cik Goh, penemuan serpihan seramik itu yang pada awalnya dipercayai berasal dari abad ke-15 boleh mencadangkan kemungkinan ia wujud sejak abad ke-14 lagi.

“Penggalian di tapak-tapak bersejarah seperti ini penting kerana bukan hanya ia boleh mencabar sejarah malah menunjukkan bahawa Singapura mempunyai sejarah yang lama,” kata beliau.

Penggalian itu merupakan yang ke-13 yang dijalankan di Bukit Fort Canning sejak 1984.

Namun, kali ini tapak pameran itu dipilih untuk digali kerana ia mempunyai lapisan tanah abad ke-14 yang padat.

“Penggalian di tapak-tapak bersejarah seperti ini penting kerana bukan hanya ia boleh mencabar sejarah malah menunjukkan bahawa Singapura mempunyai sejarah yang lama.”

– **Profesor Madya Cik Goh Geok Yian, yang juga Pengerusi Madya (Penyelidikan) di Sekolah Kemanusiaan, Universiti Teknologi Nanyang (NTU).**

Tujuannya untuk meneroka dan mendapatkan bukti mengenai kegiatan ekonomi yang berlaku di bahagian bukit itu pada abad ke-14.

Sekitar 100 sukarelawan melibatkan diri dalam penggalian di bukit tersebut.

Mereka terdiri daripada guru sejarah dari Kementerian Pendidikan, pelajar dari NTU, Institut Hwa Chong, Sekolah Menengah Sembawang, Sekolah Menengah Clementi Town dan juga orang awam yang berminat dengan kerja sukarelawan di taman itu.

Antaranya, Cik Caroline, seorang pelajar tahun ke-4 di NTU, yang mengambil jurusan Ijazah Sarjana Muda dalam Sejarah.

Beliau, yang kali pertama menyertai penggalian sebegini, mengongsi kegembiraannya dapat menyumbangkan tenaga mendalam sejarah Singapura.

“Saya berharap penemuan-penemuan artifak sebegini dapat menaikkan lagi kesedaran orang ramai terutama rakyat Singapura untuk tahu tentang sejarah negara kita.

“Mereka selalu fikir Singapura tiada sejarah,” kata beliau yang merupakan pelajar Cik Goh di NTU.

Sepanjang tiga bulan penggalian itu diadakan di tapak tersebut, lebih 200 manik kaca, serpihan tembikar dan kaca ditemui.

Artifak itu akan dipamerkan di pameran Penggalian Arkeologi yang baru. Pameran baru itu adalah sebahagian daripada pelan peningkatan NParks untuk menghidupkan semula sejarah Singapura dan ia dijangka dibuka pada Jun 2019.

Tapak baru itu akan dibahagikan kepada tiga zon.

Di zon pertama, akan terdapat pengenalan mengenai tapak tersebut dan ruang terbuka bagi mengendalikan bengkel arkeologi.

Zon kedua akan disertakan panel pendidikan pelbagai media yang mempamerkan artifak bagi abad ke-14 hingga ke-19.

Zon ketiga pula akan menampilkan permainan berciri interaktif dan berpendidikan untuk pelawat dari semua peringkat umur belajar tentang arkeologi dan sejarah di tapak tersebut.